

Kabinet: Kelantan tetap ada wakil

PH 16 OCT 1990

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Kabinet baru kerajaan Barisan Nasional (BN) akan dibentuk secepat mungkin.

Bagaimanapun, katanya BN terpaksa memikirkan cara terbaik untuk memilih calon yang sesuai bagi mewakili Kelantan dalam Kabinet baru itu berikutan kegagalan BN memenangi sebarang kerusi negeri dan Parlimen di negeri itu.

Semua kerusi negeri dimenangi Pas (24), Semangat 46 (14) dan Berjasa (1). Pas juga memenangi enam kerusi Parlimen dan tujuh lagi Semangat 46.

Dalam hal ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, BN tidak bercadang membolot semua jawatan Kabinet untuk calonnya yang menang saja "tetapi saya akan fikir cara yang sesuai untuk mengatasi masalah mengisi peruntukan kerusi Kabinet bagi Kelantan."

Menjawab soalan mengenai hu-

bungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Kelantan selepas ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

"Hubungan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Kelantan akan menjadi sukar kerana pegawai Kelantan memainkan tugas penting dalam usaha mengalahkan (BN).

"Kita sedih dengan perbuatan ini kerana ia melanggar susila, yang mana pihak pentadbir sepatutnya mengambil sikap berkecuali dalam politik," katanya.

Mengenai prestasi BN dalam pilihanraya umum kelapan ini, beliau berkata BN mencapai kemenangan yang cukup baik "walaupun kita boleh mendapatkan kemenangan lebih baik jika tidak kerana tindakan Parti Bersatu Sabah (PBS)."

Mengenai kekalahan Encik Hu Sepang untuk mengekalkan kerusi Parlimen Rasah, Perdana Menteri secara berseloroh berkata, Dewan Rakyat akan menjadi sunyi sedikit.